

# Orang luar boleh jadi calon di Sanggang

KUANTAN, Selasa— Mereka yang disenaraikan untuk dipilih menjadi calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang tidak semestinya anak tempatan.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, memang bahagian itu mahu anak jati Sanggang tetapi beliau memberitahu mereka orang Umno bahagian Mentakab juga boleh dicalonkan.

“Apa yang penting, sese-

orang itu tidak sepatutnya terlalufanatik untuk menjadi calon, sebaliknya memberi sokongan kepada sesiapa saja yang dicalonkan untuk bertanding.

“Kalau seorang itu, termasuk ahli korporat dicalonkan dan menang mereka mungkin akan mengalami kengian dari segi pendapatan. Jika sekarang memperoleh pendapatan RM6,000 RM7,000 sebulan, dia cuma mendapat RM4,000 sebulan apabila menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri

(Adun) atau tidak akan mendapat apa-apa jika kalah.

“Ini menyebabkan sesetengah mereka tidak mahu bertanding,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Adnan berkata, beliau juga sudah bertemu dengan beberapa ketua kampung di Sanggang dan mendapat maklum balas yang baik.

Esok, Adnan berkata, beliau akan berjumpa dengan semua anggota parti komponen, sebelum menjalankan kempen yang

dibahagikan kepada dua peringkat iaitu sebelum dan selepas penamaan calon.

“Kita akan hergerak secara senyap kerana tidak mahu bersikap angkuh. Kita herseherai kepada Allah dan mempunyai cara tersendiri,” katanya.

Mengenai senarai nama calon yang sepatutnya diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehelum mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), semalam, beliau berkata, ia tidak dilakukan ke-

rana Umno bahagian Mentakab meminta tempoh antara tiga atau empat hari lagi untuk menyenaraikan nama calon.

“Saya akan berbuat demikian selepas Dr Mahathir pulang dari Jakarta,” katanya yang juga pengarah pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil itu diadakan kerana kematian wakil rakyatnya yang juga Ahli Exco Kerajaan Negeri, Datuk Abdullah Kia, 54, yang diserang angin ahmar pada 26 Februari lalu.